

Bil. S 44

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN (PINDAAN), 2007

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan peraturan 12 dari Penggal 17 Rg 1.
 3. Pindaan peraturan 15.
 4. Pindaan peraturan 19.
 5. Penggantian peraturan 22.
 6. Pindaan peraturan 26.
 7. Pindaan peraturan 35.
-

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN (PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 53 dari Akta Imigresen, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan), 2007 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2007.

Pindaan peraturan 12 dari Penggal 17 Rg 1.

2. Peraturan 12 dari Peraturan-Peraturan Imigresen, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda —

(a) dalam peraturan kecil (1), dengan memotong "yang tiba di Negara Brunei Darussalam" dari dua baris pertama;

(b) dalam peraturan kecil (2), dengan memotong "dan" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "atau";

(c) dalam peraturan kecil (3), dengan memotong "Borang 12 dalam Jadual Pertama" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "borang";

(d) dalam peraturan kecil (5), dengan memotong "Borang 12 yang disebutkan di atas" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "borang itu".

Pindaan peraturan 15.

3. Peraturan 15 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memansuhkan peraturan kecil (4) dan menggantikannya dengan peraturan kecil baru yang berikut —

"(4) Jika seseorang dinyatakan dalam suatu Pas Kerja sebagai majikan atau majikan yang dicadangkan bagi pemegangnya, orang itu hendaklah —

(a) memastikan bahawa pemegang pas itu hendaklah hanya mengambil pekerjaan atau penggajian yang dinyatakan dalam pas itu selama pas itu sah; dan

(b) dengan serta-merta memberitahu Pengawal jika pemegangnya —

(i) gagal mengambil penggajian; atau

(ii) diberhentikan dari, atau meninggalkan, penggajian."

Pindaan peraturan 19.

4. Peraturan 19 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan 3 peraturan kecil baru yang berikut sejurus selepas peraturan kecil (1) —

"(1A) Dengan tidak menghiraukan peraturan kecil (1) dan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Pegawai boleh, kerana sebarang sebab, membatalkan sebarang pas yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan dalam hal itu, sebarang jaminan yang telah didepositkan di bawah peraturan 18 hendaklah dikembalikan.

(1B) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan Pengawal di bawah peraturan kecil (1) atau (1A) boleh dalam masa 7 hari dari keputusan itu merayu kepada Menteri, yang keputusannya mengenainya adalah muktamad.

(1C) Sebarang rayuan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1B) tidaklah dengan sendirinya menjadi suatu halangan bagi penghantaran balik orang yang tidak puas hati itu dari Negara Brunei Darussalam."

Penggantian peraturan 22.

5. Peraturan 22 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan baru yang berikut —

"Penyerahan dokumen perjalanan:

22. (1) Bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta itu atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengawal boleh dengan notis bertulis memerintahkan mana-mana orang untuk menyerahkan dengan serta-merta sebarang dokumen perjalanan yang ada dalam milikannya atau sebarang permit atau pas yang telah dikeluarkan kepadanya.

(2) Suatu notis di bawah peraturan kecil (1) hendaklah disampaikan sendiri kepada orang yang ditujukan notis itu.

(3) Seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis di bawah peraturan kecil (1) hendaklah mematuhi notis itu dengan serta-merta.

(4) Jika seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis di bawah peraturan kecil (1) gagal mematuhi notis itu dengan serta-merta, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Suatu dokumen perjalanan yang diserahkan kepada Pengawal di bawah peraturan ini boleh ditahan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya.

(6) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang perintah di bawah peraturan kecil (1) boleh, dalam masa 7 hari dari penyampaian perintah itu kepadanya merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(7) Sebarang rayuan yang dibuat di bawah peraturan kecil (6) tidaklah dengan sendirinya menjadi suatu halangan bagi penghantaran balik orang yang tidak puas hati itu dari Negara Brunei Darussalam.

(8) Dalam peraturan ini, "dokumen perjalanan" bermakna suatu pasport atau dokumen lain yang membuktikan identiti atau kerakyatan pemegangnya."

Pindaan peraturan 26.

6. Peraturan 26 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong tajuk dan menggantikannya dengan "Rayuan.";

(b) dalam peraturan kecil (1), dengan memotong —

(i) "(4)" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "(5)"; dan

(ii) "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "Menteri";

(c) dalam peraturan kecil (2), dengan memotong "dengan petisyen secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "kepada Menteri".

Pindaan peraturan 35.

7. Peraturan 35 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

(a) dalam peraturan kecil (1), dengan memasukkan "atau bersubahat melakukan pelanggaran atau kegagalan mematuhi oleh mana-mana orang" sejurus selepas "mematuhi" dalam baris pertama;

(b) dalam peraturan kecil (2), dengan memasukkan "atau mana-mana orang yang bersubahat melakukan pelanggaran atau kegagalan tersebut" sejurus selepas "itu" dalam baris kedua yang terakhir.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 22 haribulan Ogos, 2007.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.